

# UTHM johan *rowing* Hong Kong

UNIVERSITI Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melakar sejarah tersendiri di pentas sukan antarabangsa apabila berjaya mencatat kejayaan cemerlang dalam acara mendayung dengan merangkul satu emas, dua perak dan dua gangsa dalam Kejohanan Mendayung Tertutup Hong Kong yang berlangsung pada 19 hingga 21 Mac lalu.

Kejayaan memungut lima pingat itu telah membolehkan bendera Malaysia dan UTHM berkibar megah di Pusat Sukan Kowloon Park, Hong Kong - tempat acara tersebut dilangsungkan.

Laungan nama Malaysia dan UTHM menggamatkan dewan tersebut semasa pasukan itu menaiki podium untuk menerima pingat.



**KEMENANGAN UTHM merangkul pingat emas menggamatkan Pusat Sukan Kowloon Park pada Kejohanan Mendayung Tertutup Hong Kong 2011.**

Kejayaan manis bagi pingat emas diperoleh menerusi acara kumpulan lelaki diwakili Mohd Zulfadli Rozali, Safwan Mat Jani, Muhamad Fahmi Hamsi dan Mohamed Norsyafiq Mohamed Busari.

Manakala pingat perak pula dikutip melalui Safwan Mat Jani dalam acara Lelaki Terbuka bawah 19 tahun dan kategori wanita yang diwakili Aminnur Hayati Zaiman, Norliana Mohamad, Razlinda Zailan dan Nurul Shafirah Abu Samah.